



INSTITUT PERTANIAN TROPIKA

Kertas Untuk Pertimbangan
Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti

**Cadangan Mengadakan Memorandum Persefahaman antara
Universiti Putra Malaysia dengan South China Agricultural University,
Guangzhou, China**

1.0 Tujuan

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti mengenai cadangan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan South China Agricultural University, Guangzhou, China.

2.0 Latar Belakang

Satu MoU di antara UPM dan South China Agricultural University, Guangzhou, China (SCAU) telah wujud pada tempoh masa 23 Mei 2011 sehingga 23 Mei 2014 dengan penerajunya Fakulti Perhutanan. Pihak Institut Pertanian Tropika (ITA) telah memohon untuk menjadi peneraju baharu untuk pembaharuan MoU dan pihak Fakulti Perhutanan tiada halangan dengan cadangan tersebut.

Memandangkan banyak program kerjasama penyelidikan telah dilaksanakan di antara pihak UPM dan SCAU, maka sewajarnya MoU ini diperbaharui dan diteruskan untuk menggalakkan lebih banyak kerjasama akademik dan penyelidikan antara kedua belah pihak, khususnya bagi program pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama serta mobiliti pelajar pra-siswazah dan pasca-siswazah.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke-542 pada 13 Mei 2015 [Minit JPU 542.05(c)] telah memperakukan cadangan memperbaharui MoU dengan South China Agricultural University (SCAU) dan dimajukan ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk mendapatkan kelulusan.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti (JKTK) Bil. 3 (2015) pada 29 September 2015 [Minit JKTK 24/3(2015)] telah memperakukan cadangan memperbaharui MoU dengan South China Agricultural University (SCAU) dan dimajukan ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk mendapatkan kelulusan.

3.0 Maklumat Mengenai South China Agricultural University (SCAU), Guangzhou, China

- 3.1 South China Agricultural University (SCAU) merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang utama di China dan ditubuhkan pada tahun 1909. SCAU terdiri daripada dua puluh dua (22) buah kolej (Jabatan) iaitu antaranya Agronomi; Sumber dan Persekitaran; Ekonomi dan Pengurusan; Hortikultur; Perubatan Veterinar; Kejuruteraan; Sains Hayat; Sains Haiwan; Sains Makanan; Perhutanan; Pengajian Seni Liberal dan Undang-undang; Sains; Informasi; Kejuruteraan Perisian; Seni; Bahasa Asing; Kejuruteraan Awam dan Hidraulik; Pengurusan Awam; Pengajian Ideologi dan Politik; Pendidikan Fizikal; dan Pendidikan Lanjutan.
- 3.2 SCAU mempunyai lapan puluh lapan (88) program ijazah muda, empat puluh lima (45) program Doktor Falsafah dan seratus tujuh belas (117) program ijazah Master. Jumlah keseluruhan pelajar mencapai melebihi 42,000 orang, meliputi 38,000 orang pelajar pra-siswazah, 4,000 orang pelajar pasca-siswazah dan 73 orang pelajar antarabangsa daripada 33 buah negara.
- 3.3 Bersandarkan kepada kelebihan dan ciri-ciri SCAU, universiti ini terlibat secara aktif di dalam komunikasi akademik antarabangsa dan kolaborasi saintifik. Universiti ini mengekalkan hubungan rapat dengan tujuh puluh dua (72) buah universiti daripada dua puluh lima (25) buah negara di Eropah, Amerika Syarikat, Asia dan pertukaran akademik dengan universiti daripada Hong Kong, Macau dan Taiwan.

4.0 Aktiviti Melalui Memorandum Persefahaman Antara Universiti Putra Malaysia dengan South China Agricultural University, Guangzhou China

- 4.1 Aktiviti yang telah dilaksanakan
 - 4.1.1 Kolaborasi di antara UPM dan SCAU telah bermula pada tahun 1998 di bawah projek Food and Agriculture Organization (FAO) bertajuk '*Project Proposal for Sustainable Animal Production*' di mana UPM merupakan ketua projek dan SCAU merupakan salah sebuah negara yang menjadi ahli FAO. Sebagai Setiausaha kepada projek ini, Dr. Liang Juan Boo telah melawat SCAU untuk membincangkan projek tersebut dengan ahli FAO daripada SCAU.
 - 4.1.2 Latihan dan pertukaran pelajar dan staf akademik:
 - (i) Dr. Liao Xin Di daripada SCAU telah dilantik menjadi Saintis Pelawat untuk selama satu (1) tahun (2001-2002) di Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, UPM
 - (ii) Ms. Wang Yan, graduan ijazah pertama di SCAU telah melanjutkan pengajian di peringkat Master dan PhD di UPM. Dr. Wang Yan sekarang merupakan salah seorang pensyarah di SCAU.
 - (iii) Beberapa orang pelajar siswazah SCAU iaitu Gong Yan Ling, Cao Zhen dan Chen Penghui telah melaksanakan lawatan singkat / program sangkutan di UPM.
 - (iv) Seorang pelajar Fakulti Perhutanan, Saw Pui Yun telah melaksanakan program sangkutan penyelidikan ('research

attachment') di SCAU pada 15 Februari 2011 sehingga 28 Jun 2011.

- (v) Sementara itu, beberapa pelajar siswazah UPM iaitu Lai Pui Wah, Tan Hui Yin, Chen Wei Li dan Mohammad Feseleh Jahromi telah melawat SCAU semasa pengajian mereka di UPM.

4.1.3 Dr Liang Juan Boo telah berkolaborasi secara dekat dengan Professor Liao Xin Di di dalam beberapa projek penyelidikan berkaitan produksi ternakan. Sepanjang lima dan enam (5-6) tahun lepas, Dr. Liang Juan Boo telah melawat SCAU beberapa kali sebagai penyelia bersama untuk pelajar SCAU.

4.1.4 Sehingga tahun 2014, sebanyak sepuluh (10) kertas penyelidikan telah diterbitkan di jurnal antarabangsa iaitu dalam 'International Journals on Animal Production and Environment' dengan kebanyakannya dalam kategori Q1 and Q2 jurnal dan beberapa jurnal masih dalam peringkat 'review' untuk jurnal yang berbeza.

4.2 Cadangan aktiviti pada masa akan datang

4.2.1 Pertukaran akademik (latihan/penyelidikan) akan berterusan;

4.2.2 Pertukaran pelajar pasca-siswazah dan pra-siswazah akan berterusan;

4.2.3 SCAU merupakan ahli di dalam projek penyelidikan baharu 'Animal Welfare' di bawah kolaborasi UPM dan Queensland University. Professor Dr. Zulkifli Idrus (ITA UPM) and Professor Liao Xin Di (SCAU) merupakan ahli dalam projek tersebut; dan

4.2.4 Meningkatkan lagi kolaborasi dalam bidang pengajaran dan penyelidikan melalui projek-projek yang bakal dijalankan.

5.0 Implikasi yang Terlibat

5.1 Implikasi sumber yang terlibat adalah sumber manusia/ perundingan, fizikal dan alatan serta kos perjalanan penyelidik ke SCAU dan implikasi kewangan lain pula adalah atas urusan penyelidik dengan menggunakan geran berkenaan yang sesuai. Permohonan dana jika perlu akan dibuat kepada agensi berkaitan. Anggaran kos yang terlibat adalah seperti berikut:

IMPLIKASI	KUANTITI	ANGGARAN KOS (RM)	PENERANGAN
Implikasi Sumber Manusia/ Perundingan	Dua orang (2) staf akademik ITA i. Pengarah ii. Felo Penyelidik	RM 5,000.00/ tahun	Implikasi sumber manusia melibatkan perkongsian beban kerja untuk aktiviti penyelidikan, pelaksanaan program dan penerbitan.

LAMPIRAN G

IMPLIKASI	KUANTITI	ANGGARAN KOS (RM)	PENERANGAN
Implikasi Fizikal/ Infrastruktur	Alatan/fasiliti untuk penyelidikan bersama (<i>joint research</i>)	RM 8,000.00/ tahun	Alatan/fasiliti yang digunakan untuk penyelidikan bersama (<i>joint research</i>).
Implikasi Bekalan / Peralatan	Tiada	Tiada	Tiada
Implikasi lain-lain (sekiranya ada)	Kos perjalanan dan perbelanjaan	RM 2,000.00/ tahun	Kos perjalanan dan perbelanjaan ke SCAU untuk kerjasama penyelidikan
Jumlah Keseluruhan (anggaran)		RM 15,000.00/ tahun = RM 75,000.00 (5 tahun)	RM 25,000.00 gaji + RM 50,000.00 daripada dana penyelidikan yang telah diluluskan dari projek sedia ada (contoh geran projek ITA UPM dan Queensland University)

6.0 Faedah/Impak Kepada Pengantarabangsaan Universiti

- 6.1 Meningkatkan taraf UPM sebagai universiti yang diiktiraf oleh universiti China untuk pertukaran pelajar dan akademik, menjadi '*partner*' dalam projek penyelidikan dan mobiliti pelajar UPM di peringkat antarabangsa. Aktiviti pertukaran pelajar yang aktif dijalankan oleh SCAU ini perlu diambilkira dalam usaha memperluaskan mekanisma UPM dalam mencari tempat-tempat bagi pelajar UPM mengadakan program pertukaran, yang akhirnya dapat mencapai matlamat memantapkan kemahiran insaniah pelajar.

7.0 Kandungan Memorandum Persefahaman Antara Universiti Putra Malaysia dengan South China Agricultural University, Guangzhou, China

- 7.1 Pihak SCAU telah bersetuju menggunakan MoU standard yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijadikan sebagai dokumen asas bagi merealisasikan pembentukan hubungan antara kedua belah pihak ini (seperti ulasan dan cadangan Pejabat Penasihat Undang-undang, **Lampiran A**)
- 7.2 Draf MoU yang telah diperbaiki mengikut ulasan dan cadangan PUU (**Lampiran B**).

8.0 Statistik MoU di China

Mengikuti rekod, UPM mempunyai lapan (8) rakan kerjasama daripada China. Di antaranya adalah Hunan College, WFCC-MIRCEN World Data Center for Microorganisms (WDCM), Guizhou University, Southwest University, Qinzhou University, Bijie University, Beijing Forestry University dan Southwest Forestry University. Didapati hubungan dengan institusi ini mempunyai kejayaannya tersendiri, iaitu termasuklah kerjasama penyelidikan, pertukaran pelajar dan sebagainya.

9.0 Syor

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti adalah diharap dapat mempertimbangkan dan meluluskan;

- i) cadangan memperbaharui Memorandum Persefahaman antara UPM dengan South China Agricultural University, Guangzhou, China; dan
- ii) melantik Institut Pertanian Tropika sebagai peneraju MoU ini.